

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kajian terdahulu, kerangka teori, batasan kajian, kaedah kajian dan persembahan kajian. Pengenalan ini akan dapat memudahkan lagi perbincangan selanjutnya yang akan dibuat oleh pengkaji terhadap kajian ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kesusasteraan secara luas merupakan seni yang menggunakan kata-kata tanpa memperhitungkan persoalan sama ada kata-kata itu tertulis atau sekadar diucapkan (M.K. Danzinger & W.S. Johnson dalam Hamzah Hamdani, 1988 : vii). Pada kebiasaannya, sistem, budaya dan zaman akan membentuk sesuatu genre dan konteks bagi sesebuah karya yang dihasilkan. Oleh yang demikian, kesusasteraan itu sebenarnya mempunyai perhubungan yang menyeluruh dan erat dalam diri seseorang individu dengan seseorang individu yang lain serta dapat pula memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat yang mendokongnya.

Perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh sastera Melayu sejak kebelakangan ini telah membawa kesan yang amat besar dalam bidang itu sendiri. Menurut Mana Sikana (1998 : 86), terdapat perubahan-perubahan yang dapat dirasakan apabila seseorang itu membaca karya-karya sastera terkini dan perubahan

itu makin dirasakan apabila pengarang cuba memasukkan aliran dan teori-teori baru. Perkembangan dan perubahan yang berlaku itu sebenarnya sejajar dengan gerakan dan sejarah bangsa dan negara. Pengarang itu sendiri adalah pentafsir dan pemberi makna di atas landasan sejarah tersebut dan disebabkan zaman telah berubah, maka cara pengarang mengungkapkan teks-teksnya pun akan turut berubah.

Pada kebiasaannya, aspirasi pengarang sering disedarkan oleh dimensi sosial dan alam yang tertindas. Pengarang akan merakamkan dengan cara menulis peristiwa-peristiwa tersebut supaya pembaca akan dapat mengetahui sejarah dan memahami budayanya. Setiap pengarang akan cuba membentuk peribadi dan stailnya yang tersendiri bagi membezakan dirinya dengan pengarang yang lain. Justeru, teks-teks akan selalu diperbaharui dan pengarang-pengarang akan turut sama berusaha untuk memperbaharui dirinya dan keadaan ini akan menyebabkan terciptanya pelbagai teks. Pengarang tempatan turut terdedah dengan kehadiran pelbagai teks baru dari luar negara dan menyebabkan para pengkritik turut sama tercabar untuk menguasai kaedah dan teori baru (Mana Sikana, 1998 : 87).

Kemunculan dan penggunaan beberapa kaedah dan teori baru dalam dunia sastera tanah air telah memungkinkan bidang kesusteraan di negara ini menapak ke arah yang lebih progresif dan dinamis. Teori-teori baru yang sering diguna dan diaplikasikan oleh pengarang dalam karya-karya mereka sejak akhir-akhir ini adalah seperti dekonstruksi, intertekstualiti, semiotik, teksdealisme, psikoanalisis, resepsi, feminism, fenomenologi, hermeneutik dan sebagainya. Melalui kemunculan teori-teori sastera moden ini juga secara langsung telah membuktikan bahawa dalam penghasilan sesuatu karya, pengkajian terhadap binaan atau struktur semata-mata

tidak lagi memadai bahkan aspek-aspek kepengarangan juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

1.2 Permasalahan Kajian

Pada kelazimannya, kaedah struktural akan digunakan dan diterimapakai untuk mengkaji karya-karya kesusasteraan seperti cerpen, sajak, novel dan sebagainya. Hal ini kerana aspek-aspek yang wujud dalam kaedah struktural itu sendiri seperti tema, watak, plot, latar, gaya bahasa dan sebagainya adalah elemen-elemen yang boleh dianggap sebagai tulang belakang dalam penghasilan sesuatu karya. Perkara ini begitu ditekankan sehingga ada kalanya kita mengabaikan aspek-aspek lain yang tidak kurang penting, contohnya, pengarang dan proses-proses yang dialaminya dalam menghasilkan sesuatu karya.

Di negara kita sendiri misalnya, proses kepengarangan seseorang pengarang itu jarang diberikan perhatian dan sering menjadi rahsia pengarang itu sahaja atau orang-orang yang rapat dengannya. Kita jarang ingin melihat sebab-musabab seseorang pengarang itu menghasilkan sesuatu karya, sedangkan perkara-perkara seperti pemikiran, latar belakang, pengalaman, sejarah, idea dan sebagainyalah yang menjadikan sesuatu karya itu bertambah menarik dan menawan hati untuk dinikmati. Hasil-hasil kesusasteraan adalah cermin sosial kepada masyarakat dan proses-proses sosial yang dialami oleh seseorang pengarang yang kemudiannya digarap untuk dijadikan sebuah hasil seni itulah yang akan menjadikan karya itu unik dengan caranya yang tersendiri. Bertitik-tolak daripada hakikat inilah, kajian berikut akan dilakukan bagi melihat proses-proses sosial yang telah dialami oleh A. Samad Ismail

dan bagaimana proses-proses tersebut telah turut diterapkannya dalam karyanya, terutamanya yang berbentuk cerpen.

Sebenarnya, A. Samad Ismail berada dalam kelasnya yang tersendiri dalam memberikan pelbagai sumbangan yang tidak terkira banyaknya, terutamanya dalam perkembangan kesusteraan di tanah air. Beliau telah menghasilkan berpuluh-puluh cerpen dan juga beberapa buah novel selain menghasilkan beribu-ribu eseи yang mencakupi pelbagai isu semasa yang dapat menonjolkan lagi ketajaman pemikirannya (A. Karim Haji Abdullah, 1991 : xi).

A. Samad Ismail juga bertanggungjawab dan berperanan sebagai guru kepada beberapa orang pengarang terkemuka tanah air yang begitu banyak dikaji dan diberikan perhatian seperti Keris Mas, Usman Awang dan A. Samad Said iaitu hanya sekadar menyebut beberapa nama sahaja. Namun, malangnya, agak kurang kajian yang dilakukan terhadap A. Samad Ismail sendiri oleh para pengkaji tempatan. Sedangkan, sebagai seorang tokoh wartawan dan dalam masa yang sama juga turut terkenal sebagai sasterawan, sudah tentulah A. Samad Ismail mempunyai banyak pengalaman dan latar belakang sejarah yang ingin diungkapkannya dalam karya-karya cerpennya. Oleh yang demikian, amat perlu satu kajian yang terperinci dilakukan bagi melihat bagaimana pengalaman dan pensejarahan A. Samad Ismail sendiri menjadi aspek penting dalam proses beliau menghasilkan karya kreatif beliau dengan menfokuskan terhadap cerpen-cerpen yang beliau tulis dan telah dihimpunkan dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga*. Dalam usaha untuk melihat keunikan cerpen-cerpen tersebut melalui aspek pengalaman dan pensejarahan A. Samad Ismail, maka teori dialogisme akan digunakan sebagai satu teori yang dapat mengkaji dan menganalisis hubungan tersebut.

1.3 Objektif Kajian

Mikhail Bakhtin menyatakan bahawa semua hasil karya sastera yang muncul adalah hasil daripada dialog antara teks dengan teks-teks yang lain. Beliau telah berjaya meneliti teori dialogisme yang berkembang di Rusia pada akhir abad yang ke-19. Hasil daripada penelitiannya, Bakhtin telah membina atas teori dialogik yang dapat digunakan sewaktu membaca dan memahami karya sastera. Bakhtin telah menggunakan teori dialogik itu untuk membaca dan memahami karya Dostoevsky yang dikatakan amat sukar untuk difahami dengan menggunakan pendekatan formalisme yang amat popular di Rusia pada masa itu (Mana Sikana, 1998 : 193).

Hal ini jelas menunjukkan, bahawa kajian sesuatu karya sastera itu tidak memadai dan tidak mencukupi jika kita menggunakan kaedah menganalisis secara pendekatan strukturalisme dan formalisme semata-mata. Oleh yang demikian, melalui proses menganalisis dengan menggunakan teori dialogisme akan lebih membantu untuk melihat bagaimana seseorang pengarang itu didorong untuk menghasilkan sesuatu karya sastera. Keadaan ini disebabkan oleh hakikat bahawa teori dialogisme yang mula-mula dipelopori oleh Bakhtin itu sendiri lebih mementingkan aspek luaran yang akan mempengaruhi pembacaan. Pengarang pula seterusnya akan menghasilkan sesuatu karya sastera yang mana secara nalurinya, semasa berlakunya proses penghasilan tersebut, unsur-unsur atau teks luaran akan mengalir masuk ke dalam karya yang sedang dihasilkan itu.

Berdasarkan 41 buah cerpen yang terdapat dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga*, pengkaji melihat bagaimana A. Samad Ismail menggunakan teks luaran iaitu dari aspek pengalaman dan juga pencejarahan bagi menghasilkan karya-karya

tersebut. Seperti yang telah dinyatakan sejak dari awal lagi, A. Samad Ismail adalah tokoh yang sangat istimewa dan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Beliau telah menempuh satu tempoh masa dan pelbagai bentuk pengalaman yang panjang. Kehidupannya sebagai seorang wartawan bermula ketika beliau baru berusia 16 tahun dan bermula dari itu, beliau tidak pernah menoleh ke belakang lagi. Bermula daripada kehidupan semasa kecilnya di Kampung Melayu, Singapura, sehinggahal dalam zaman Jepun dan zaman selepas perang di Singapura serta seterusnya berhijrah ke Kuala Lumpur, A. Samad Ismail sudah tentulah mempunyai banyak pengalaman dan unsur pensejarahan yang sering kali menjadi latar dalam karya-karya kreatifnya. Oleh yang demikian, kajian ini telah dilakukan untuk membuktikan kesesuaian teori dialogisme dalam melihat pengalaman dan unsur pensejarahan A. Samad Ismail dalam karya-karya cerpennya.

Selain itu, objektif kajian juga adalah untuk membuktikan bahawa teori dialogisme itu boleh menjadi landasan bagi pengkaji-pengkaji untuk mengkaji pengarang-pengarang lain serta proses-proses kepengarangan yang telah mereka alami. Hal ini disebabkan teori dialogisme itu kurang diberi perhatian dan kurang digunakan oleh para pengkaji sedangkan prinsip dalam teori itu amat penting dalam usaha seseorang itu menikmati dan mengapresiasi sesuatu karya sastera. Kenikmatan dan apresiasi inilah kelak yang akan menentukan sejauh mana kejayaan karya-karya yang terhasil mendapat tempat di hati para khalayak.

Melalui kajian yang dilakukan ini juga, pengkaji berharap agar akan ada pengkaji lain yang tampil untuk menggunakan teori dialogisme ini bagi mengkaji pengarang-pengarang yang lain. Selain itu, kajian ini juga diharapkan akan dapat mendorong mereka yang baru mencuba-cuba untuk menulis agar menggunakan latar

belakang dan pengalaman mereka sendiri dalam menghasilkan sesuatu karya kerana keadaan ini adalah lebih menarik dan ‘real’ berbanding jika menggunakan pengalaman orang lain. Kemunculan penulis-penulis baru dengan karya-karya yang mempunyai pelbagai latar dan pengalaman ini sudah tentulah diharapkan akan dapat memeriahkan lagi perkembangan dunia kesusasteraan tanah air.

1.4 Kajian Terdahulu

A. Samad Ismail seperti yang telah dinyatakan pada peringkat awal perbincangan adalah seorang tokoh yang sangat istimewa kerana beliau bukan sahaja terlibat dalam bidang kesusasteraan, bahkan turut berkecimpung dengan membabitkan diri dalam dunia kewartawanan, seorang nasionalis penegak keadilan, seorang pejuang bahasa dan guru kepada berpuluh-puluh bahkan beratus-ratus orang penulis sama ada yang terlibat dalam bidang penulisan kreatif ataupun sebaliknya.

Namun, walaupun ada antara anak didiknya itu yang telah menjadi nama besar dalam dunia kesusasteraan tanah air dan menerima pelbagai penghargaan serta pengiktirafan tetapi di sebalik semua itu, masih ramai yang tidak menyedari tentang peranan besar yang telah dimainkan oleh A. Samad Ismail dalam meletakkan nama-nama seperti Usman Awang, Shahnon Ahmad, Keris Mas dan A. Samad Said di puncak persada kesusasteraan tempatan.

Masih tidak banyak kajian dan penelitian yang dilakukan terhadap A. Samad Ismail terutamanya dalam melihat proses kepenggarangan yang dilaluinya dalam menghasilkan sesuatu karya terutamanya yang bersifat kreatif. Jika adapun kajian yang dilakukan, kajian itu tidak menyeluruh dan tidak dapat mencakup karya-karya kreatif yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail.

Antara latihan ilmiah yang pernah dijalankan terhadap A. Samad Ismail adalah yang dilakukan oleh Mat Yunan B. Said dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Pengajian Bahasa Moden, Universiti Putra Malaysia pada tahun 1995 dan menghasilkan latihan ilmiah yang bertajuk “Karya-karya A. Samad Ismail Melalui Pembacaan Hermenautik”. Beliau telah menggunakan 2 buah novel yang ditulis oleh A. Samad Ismail bagi ditafsir unsur pembinaan dan strukturnya iaitu *Patah Sayap Terbang Jua* dan *Tembok Tidak Tinggi* sebagai fokus kajiannya. Satu lagi latihan ilmiah yang dihasilkan berkaitan dengan A. Samad Ismail telah ditulis oleh Kamariah Che Abdul Rahman dan bertajuk “Meninjau Pemikiran Politik Di Dalam Novel-novel A. Samad Ismail”. Kamariah Che Abdul Rahman adalah dari Jabatan Kreatif dan Deskriptif, Universiti Malaya dan penulisannya itu telah dihasilkannya pada tahun 1986 iaitu bertujuan untuk mengkaji pemikiran politik A. Samad Ismail dalam novel-novel yang telah dihasilkannya.

Bagi penulisan sarjana pula, Othman Puteh pernah membuat kajian tentang pemikiran serta watak-watak dalam cerpen yang dihasilkan oleh A. Samad Ismail untuk diajukan kepada Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai disertasi sarjana beliau pada tahun 1981. Disertasi tersebut bertajuk “Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Pemikiran Dan Struktur”. Selain Othman Puteh, A. Wahab Ali juga pernah membuat kajian tentang A. Samad Ismail untuk disertasi sarjana sastera, Universiti Malaya yang bertajuk “Imej Manusia Dalam Sastera” dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1989. Beliau telah mengkaji watak-watak dan tokoh-tokoh bukan Melayu dalam 4 buah novel iaitu *Detik-detik Chemas*, *Menduga Lautan Dalam*, *Menimba Yang Jerneh* dan *Kail Panjang Sejengkal* selain menggunakan sebuah cerpen iaitu “Ah Khaw Masuk “Syurga””. Satu lagi kajian sarjana telah

dilakukan oleh Ilias Zaidi pada tahun 1989 tetapi beliau lebih menumpukan kepada ketokohan A. Samad Ismail dalam bidang kewartawanan melalui perbandingan dengan Moechtar Lubis dari Indonesia. Ilias Zaidi telah menghasilkan tesis yang bertajuk “Novelis Golongan Wartawan Indonesia Dan Malaysia: Kes Perbandingan Moechtar Lubis Dengan A. Samad Ismail” bagi Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.

Selain pengkaji tempatan, pengkaji-pengkaji dari luar juga pernah membuat penelitian terhadap karya-karya kreatif A. Samad Ismail bersama beberapa karya kreatif pengarang-pengarang yang lain. Misalnya, Tan Chin Kwang telah menulis tentang “The Intellectual Background Of Post War Malay Short Story Writers 1946-1970” untuk mendapatkan sarjana sastera dari Universiti Singapura pada tahun 1971. Dalam kajian tersebut, beliau telah meletakkan cerpen-cerpen A. Samad Ismail sebagai sebahagian daripada karya yang dihasilkan oleh ASAS 50. Satu lagi kajian yang bertajuk “Novelis-novelis Melayu Selepas Perang: Satu analisis Kesedaran Dan Pendekatan Mereka Terhadap Masalah-masalah Kemasyarakatan” telah dihasilkan oleh Rasiah Bee Bt. Abdul Halil untuk ijazah sastera di Universiti Nasional Singapura pada tahun 1984. Beliau telah menumpukan kajian terhadap 3 buah novel A. Samad Ismail iaitu *Menduga Lautan Dalam*, *Kail Panjang Sejengkal* dan *Menimba Yang Jerneh* bagi melihat isu bahasa kebangsaan dan mengapa beliau melihat novel-novel tersebut sebagai novel sejarah.

Abdul Rahim Marasidi telah turut menghasilkan satu tesis Ph.D yang bertajuk “Isu-isu Semasa Dalam Karya Naratif A. Samad Ismail” pada tahun 2003. Abdul Rahim Marasidi iaitu calon Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan melalui tesis tersebut beliau cuba mengkaji isu-isu semasa dan masyarakat yang

mendokongnya dan telah diterapkan oleh A. Samad Ismail dalam karya-karya cerpen dan novelnya. Azhar Wahid dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah turut menghasilkan satu penulisan sarjana yang bertajuk “Pemikiran A. Samad Ismail Dalam Antologi *Ingin Jadi Pujangga*” pada tahun 2002. Azhar Wahid dalam tesis tersebut cuba menganalisis pemikiran A. Samad Ismail dalam cerpen-cerpen yang terkandung dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* mengikut sesuatu tempoh zaman yang tertentu.

Seorang sarjana Amerika iaitu David J. Banks dari Universiti Buffalo, Amerika Syarikat juga telah pernah membuat kajian dan analisis yang terperinci tentang karya-karya A. Samad Ismail dan peranan beliau dalam dunia sastera Melayu moden dan sumbangan A. Samad Ismail yang amat bererti sebagai aktivis dunia keintelekan di negara ini. Monograf David J. Banks ini berjudul *From Class To Culture: Social Conscience In Malay Novels Since Independence* (A. Karim Haji Abdullah, 1991 : xx).

Hasil daripada penelitian yang telah dilakukan itu; sehingga kini belum ada kajian ilmiah yang menyentuh tentang cerpen-cerpen A. Samad Ismail dengan menggunakan teori dialogisme. Cuma ada beberapa latihan ilmiah yang ditulis dengan menggunakan teori intertekstualiti yang berasal dan dikembangkan daripada teori dialogisme dan antaranya adalah seperti latihan ilmiah yang dihasilkan oleh Halijah Bte Mohamed yang bertajuk “*Di Hadapan Pulau: Satu Kajian Intertekstualiti*” pada tahun 1995. Shanti Toreraju pula telah menulis latihan ilmiah yang bertajuk “*Suluh Peraba: Satu Kajian Intertekstualiti*” pada tahun 2002, selain Thamilselvi Muthuswamy yang juga telah menghasilkan satu latihan ilmiah yang

bertajuk “Cerita Binatang: Kajian Intertekstualiti Dalam *Hikayat Kalilah dan Diminah*” pada tahun 2002.

Berdasarkan kajian-kajian lepas itu, dapat diperhatikan bahawa memang ada kajian tentang A. Samad Ismail telah dilakukan tetapi kajian-kajian tersebut masih tidak menyeluruh. Kajian-kajian yang menggunakan teori dialogisme untuk meneliti cerpen-cerpen A. Samad Ismail juga belum pernah dijalankan. Oleh itu, pengkaji mendapati, wajar teori dialogisme digunakan untuk menganalisis cerpen-cerpen A. Samad Ismail dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga* yang telah dihasilkannya antara tahun 1944 hingga 1991.

1.5 Kerangka Teori

Teori dialogisme mula-mula sekali diperkenalkan oleh Mikhail Mikhailovich Bakhtin (1895-1975) pada tahun 1926. Buku yang bertajuk *The Dialogic Imagination* (1981) banyak menghuraikan tentang konsep dialogik itu. Bakhtin berpendapat bahawa semua karya sastera itu dihasilkan berdasarkan pada dialog di antara teks dengan teks-teks yang lain. Dengan kata lain, teori ini memperlihatkan hubungan antara teks dengan teks yang lain (Mana Sikana, 1998 :193).

Bakhtin telah menggunakan teori dialogik itu bagi membaca dan memahami karya-karya yang dihasilkan oleh seorang penulis terkemuka Rusia iaitu Dostoevsky pada akhir sekitar tahun 1920-an. Karya-karya Dostoevsky dikatakan agak sukar untuk difahami dengan menggunakan pendekatan formalisme yang sedang berkembang di Rusia pada masa itu. Berpegang kepada beberapa tulisan penulis Rusia seperti Mayakovsky, Knlebnikov dan Bely, Bakhtin telah berjaya meneliti teori tersebut. Menurut Mana Sikana (1998: 193), Bakhtin banyak menganalisis dan

menekankan unsur-unsur dalaman dan hubungannya dengan teks luaran yang terdapat dalam karya Dostoevsky.

Seterusnya, menurut teori dialogika yang diasaskan oleh Bakhtin itu, dalam setiap karya yang dihasilkan maka akan berlaku dialog atau hubungan yang akan mengaitkan antara teks dalaman dan teks luaran. Teks dalaman adalah merujuk kepada elemen-elemen atau unsur-unsur yang membina karya seperti imaginasi, ilusi, estetika dan sebagainya. Teks luaran pula merujuk kepada perkara-perkara yang berkait rapat dengan sejarah, budaya, latar belakang, pemikiran, pengalaman atau ideologi pengarang itu sendiri. Oleh yang demikian, teks luaran adalah juga merupakan unsur yang amat penting kerana dianggap sebagai teks sosial yang mencakupi fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa sejarah. Setiap karya yang terhasil mempunyai unsur-unsur sejarahnya yang tersendiri kerana banyak mempengaruhi hasil penulisan seseorang pengarang itu. Bakhtin juga telah menekankan bahawa dialog boleh sahaja terjadi menerusi pembacaan dan pengalaman yang dialami oleh seseorang pengarang kerana melalui kedua-dua perkara inilah akan memberi pengaruh yang cukup kuat terhadap daya kreativiti pengarang (Mana Sikana, 1998 : 194-195).

Seterusnya, Bakhtin menambah bahawa terdapat tiga tahap proses dialogika iaitu pembacaan, pemahaman dan penilaian serta penulisan. Proses pembacaan merujuk kepada fikiran, ingatan, perasaan dan lain-lain yang timbul dan bersatu dalam diri pembaca sehingga menimbulkan tindak balas tertentu seperti menerima atau menolak sesuatu karya yang dibaca. Proses pemahaman dan penilaian pula adalah lanjutan daripada proses pembacaan yang timbul ketika sedang atau selepas membaca karya sastera. Proses penulisan pula adalah semua perkara yang

melibatkan penghasilan sesuatu karya sastera dari bermula timbulnya idea untuk menulis hingga karya itu disiapkan. Menurut Bakhtin, pengalaman, latar dan sosialisasi pengarang adalah teks luaran yang akan berdialog atau menyerap ke dalam teks yang dihasilkan itu. Bakhtin menyatakan bahawa unsur sosio-budaya biasanya memberikan kesan yang mendalam terhadap karya. Dialogisme Bakhtin ternyata lebih menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan atau bagaimana pengarang mendekati sesebuah karya sastera dan selepas itu secara naturalia pula akan mengalir ke dalam karya yang dihasilkannya (Mana Sikana, 1998: 196).

Teori dialogika Bakhtin ini kemudiannya telah dikembangkan oleh Julia Kristeva. Beliau telah menggunakan teori ini untuk mengkaji dan menganalisis puisi bagi mendapatkan ijazah Doktor Falsafahnya dengan disertasi beliau yang bertajuk “La revolution du Langage Poétique” pada tahun 1974. Teori dialogika Bakhtin mula terkenal apabila buku yang ditulis dalam bahasa Perancis oleh Julia Kristeva iaitu *Semiotike* bertujuan menjelaskan dan memperluaskan lagi teori itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *Desire In Language: A Semiotic Approach To Literature And Art* yang telah diterbitkan pada tahun 1980. Pada masa inilah, Julia Kristeva telah mula menggunakan istilah intertekstualiti yang bermaksud ‘dalam sebuah teks terdapat beberapa buah teks’. Sesuatu yang jelas dan menjadi perbezaan antara Bakhtin dan Kristeva adalah teori dialogika amat mementingkan unsur pensejarahan sementara teori intertekstualiti pula lebih mementingkan unsur bahasa (Mana Sikana, 1994 : xiii-xiv).

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan menumpukan kepada 41 buah cerpen yang dihasilkan oleh A. Samad Ismail dan terdapat dalam antologi yang berjudul *Ingin Jadi Pujangga: Kumpulan Cerpen 1944–1991*. Cerpen-cerpen ini telah dihasilkan dalam tempoh 47 tahun dan pernah tersiar dalam surat khabar dan majalah seperti *Dewan Sastera*, *Semangat Asia*, *Fajar Asia*, *Utusan Zaman*, *Berita Harian* dan *Berita Minggu*. Antologi *Ingin Jadi Pujangga* ini telah diselenggarakan oleh A. Karim Haji Abdullah pada tahun 1995 (cetakan kedua) dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Teori dialogisme pula akan digunakan untuk mengkaji cerpen-cerpen yang terdapat dalam antologi ini dengan menumpukan kepada aspek luaran iaitu dari sudut pengalaman dan pensejarahan.

1.7 Kaedah Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, kaedah penyelidikan kepustakaan akan digunakan. Proses ini amat penting bagi mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat bercetak seperti buku-buku, jurnal, keratan-keratan surat khabar, majalah dan sebagainya.

Oleh yang demikian, hanya selepas data-data yang diperlukan dapat dikumpulkan, barulah data-data itu diproses dan dianalisis bagi mencari perkara-perkara yang berkaitan sahaja dengan skop kajian. Seterusnya, data-data yang telah dianalisis itu akan digunakan bagi melihat bagaimana unsur-unsur luaran iaitu

pengalaman dan pensejarahan menjadi intipati dalam cerpen-cerpen terpilih A. Samad Ismail.

Dalam menjalankan kajian ini juga, satu buku autobiografi yang agak lengkap dan banyak mengupas tentang suka-duka, sejarah dan pengalaman A. Samad Ismail yang bertajuk *Memoir A. Samad Ismail Di Singapura* akan digunakan sebagai bahan rujukan utama.

1.8 Persembahan

Kajian ini akan dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kajian terdahulu, kerangka teori, batasan kajian dan kaedah kajian. Bahagian ini sudah semestinya penting kerana akan menjadi panduan dan batasan kepada bab-bab yang seterusnya.

Bab kedua pula akan membincangkan tentang sejarah kemunculan teori dialogisme, latar belakang Mikhail Bakhtin, maksud, prinsip-prinsip dan proses-proses yang terdapat dalam teori dialogisme bagi melihat interaksi antara teks dalaman dan teks luaran.

Bab ketiga akan menumpukan perhatian kepada latar belakang tokoh yang dikaji iaitu A. Samad Ismail dengan melihat kepada kedudukannya dalam keluarga, zaman kanak-kanaknya, tugasnya sebagai wartawan dan ketua pengarang akhbar, peristiwa penahanan beliau, penglibatannya dalam dunia bahasa dan kesusasteraan, perjuangannya serta perkara-perkara yang berkaitan dengan dirinya.

Bab keempat akan menghuraikan dan mengaitkan unsur luaran iaitu pengalaman yang dilalui oleh A. Samad Ismail dan telah diserahkan dalam cerpen-cerpen yang terkumpul dalam antologi *Ingin Jadi Pujangga*. Pengalaman tersebut akan menyentuh seluruh aspek kehidupan beliau seperti pengalaman beliau bersama keluarganya di Kampung Melayu, Singapura, pengalaman sebagai wartawan dan ketua pengarang akhbar, pengalaman semasa pendudukan Jepun dan pengalaman sebagai orang tahanan.

Bab kelima pula akan cuba menganalisis unsur-unsur pensejarahan yang telah digunakan oleh A. Samad Ismail di dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Bab ini juga akan cuba menganalisis fakta-fakta dan peristiwa-peristiwa sejarah yang telah diguna dan diaplikasikan oleh A. Samad Ismail dalam cerpen-cerpennya mengikut zaman iaitu semasa zaman penjajahan Inggeris, zaman pendudukan Jepun dan zaman selepas pendudukan Jepun.

Bab keenam adalah untuk kesimpulan dan rumusan. Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan penemuan-penemuan dan dapatan-dapatan yang telah dihasilkan berdasarkan kajian daripada bab-bab yang terdahulu.